

Newspaper	Berita Harian
Date	8/10/2011

Bajet paling inklusif bantu tangani inflasi

Rakyat pelbagai taraf sosioekonomi dapat manfaat

BAJET 2012

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam membentangkan Bajet 2012, iaitu pelan kewangan lengkap dianggap paling inklusif yang memberi manfaat kepada semua rakyat dalam menangani kesan inflasi.

Pada masa sama, bajet ke-54 itu dirangka bagi memastikan negara kekal dalam landasan pertumbuhan dan kesejahteraan jangka panjang.

Bertemakan 'Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahterakan Negara' dengan peruntukkan RM232.8 bilion berbanding RM212 bilion tahun lalu itu, disasarkan bagi melaksanakan semua rancangan pembangunan kerajaan, termasuk projek dan program di bawah Rolling Plan Kedua, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Bajet transformasi yang cuma membabitkan satu kenaikan cukai itu dibentuk sejajar dengan lima tumpuan utama iaitu meligatkan pelaburan; mengungguli modal insan, mencernakan kreativiti dan mencetuskan inovasi; program transformasi luar bandar; memperkejak perkhidmatan awam dan meredakan inflasi dan mengimarah kehidupan rakyat.

Perdana Menteri dalam ucapan pembentangnya di Dewan Rakyat berkata, bajet berkenaan mendakap segenap taraf sosioekonomi rakyat kerana tidak meninggalkan golongan yang berpendapatan rendah, menengah atau tinggi serta



YANG di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin berkenan menerima menghadap Najib bagi menyerahkan Bajet 2012 di Istana Negara sebelum pembentangnya di Bangunan Parlimen, semalam.

tidak pula meminggirkan mereka yang tinggal di bandar dan desa.

"Hakikatnya, Malaysia adalah negara yang berjaya. Dalam masa yang singkat kita sudah mengubah wajah daripada sebuah watan pertanian berpendapatan rendah menjadi negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi.

"Sesungguhnya kejayaan ini tidak datang bergolek dan tidak terhidang di atas dulang emas. Ia hasil ikatan kerajaan dan rakyat yang bersama memecah ruyung ketidakpercayaan dan dogma dengan bertunjangkan perancangan sistematis

dan pelaksanaan berkesan," katanya.

Bagi meligatkan pelaburan, Perdana Menteri menggariskan enam inisiatif utama, iaitu meliberalisasi 17 subsektor perkhidmatan, pelaksanaan Rolling Plan Kedua berjumlah RM98.4 bilion, pengurusan nilai bagi projek baru bernilai RM50 juta ke atas, Dana Mudahcara perkongsian awam-swasta (PPP) dengan peruntukan RM2.5 bilion, pembangunan Lima Wilayah Koridor (RM978 juta), Pakej Rangsangan Khas (RM6 bilion).

Bagi mengungguli modal insan,

mencerna kreativiti dan mencetus inovasi, Najib mengumumkan 2012 sebagai tahun Gerakan Inovasi Nasional dan bagi menjayakan hasrat itu, kerajaan sudah mengatur beberapa inisiatif strategik dengan peruntukkan RM100 juta.

Bagi Program Transformasi Luar Bandar (RTP), Najib berkata, ia direncana untuk menransformasi kawasan luar bandar supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat.